

09 SEP 1999

Kawalan-Pemuda

DR MAHATHIR TERBUKTI BENAR, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Pengakuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bahawa kawalan modal Malaysia telah menghasilkan kejayaan, merupakan bukti keupayaan kerajaan dalam menguruskan ekonomi, kata pengerusi majlis hal ehwal antarabangsa Pemuda Umno Abdul Azim Zabidi hari ini.

"Perdana Menteri memang benar selama ini dalam memperkenalkan kawalan modal (walaupun) bertentangan dengan kepercayaan ortodoks ekonomi antarabangsa," katanya kepada Bernama.

Abdul Azim, pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) berkata penerimaan IMF juga harus menjadi perhatian dunia supaya mengambil serius idea yang dikemukakan Malaysia seperti perlunya pembaharuan dalam struktur kewangan antarabangsa.

Dalam kajian tahunan pasaran modal dunia, IMF berkata kaedah yang tidak mengikut standard seperti kawalan Malaysia kadangkala boleh dijustifikasikan, terutama bagi negara-negara di bawah tekanan seperti yang dihadapi Malaysia semasa krisis kewangan.

Katanya kawalan itu yang diperkenalkan pada September tahun lepas telah digunakan dalam cara yang fleksibel dan pragmatik.

Malaysia telah menimbulkan kemarahan masyarakat kewangan antarabangsa apabila kerajaan memperkenalkan kawalan modal dan menetapkan nilai ringgit pada dollar dalam usaha melindungi pasarnya daripada spekulator asing.

"Kita telah diberikan pewajaran, kawalan matawang telah membantu kita mengatasi kesukaran ekonomi," kata Abdul Azim.

Mengenai mesyuarat menteri-menteri Forum Kerjasama Ekonomi Asia (Apec) di Auckland, Abdul Azim kesal yang ia telah mengalih tumpuan kepada isu Timor Timur.

Katanya forum itu sepatutnya membincangkan isu-isu mengenai perdagangan dan ekonomi seperti struktur kewangan antarabangsa.

Mesyuarat menteri-menteri Apec mengenai isu-isu perdagangan telah bersurai selepas satu jam pagi ini bagi membolehkan sesetengah menteri menghadiri mesyuarat khas Timor Timur.

Sementara itu, Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Syed Amin Al Jeffri berkata pujian IMF itu membuktikan pemimpin negara ini mempunyai kebijaksanaan dalam mengendalikan krisis ekonomi dan rakyat tidak seharusnya ragu terhadap keikhlasan kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

"Rakyat perlu terus memberi sokongan kepada kerajaan bagi menentukan kagawatan ekonomi dapat dipulihkan sepenuhnya dan ia terus berkembang pada masa-masa akan datang," kata Syed Amin yang juga Yang Dipertua DPMM Kuala Lumpur.

"Adalah cukup membanggakan apabila IMF, yang pada satu ketika dahulu agak skeptikal dengan langkah kerajaan mengenakan kawalan modal terpilih dan penetapan kadar tukaran bagi September tahun lepas bagi mengeluarkan negara daripada kegawatan ekonomi, kini mengakui bahawa langkah Malaysia itu merupakan preskripsi yang berkesan bagi memulihkan ekonomi negara," katanya.

Syed Amin berkata pujian itu juga membuktikan bahawa kerajaan Malaysia tidak silap dalam perancangannya yang memfokus segala masalah dan menyelesaikannya satu per satu.

Beliau yakin langkah kawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia akan dicontohi oleh negara-negara lain terutamanya negara Asia yang turut

mengalami kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

AZZ AKT NMO